


|                |                                                                                                                                     |
|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| NAMA MURID     |                                                                                                                                     |
| KELAS          | 4                                                                                                                                   |
| TAJUK          | IBADAH / MARI BERSUCI                                                                                                               |
| KEMAHIRAN ASAS | 4.1.1 / 4.1.2                                                                                                                       |
| OBJEKTIF       | Murid dapat:<br>✓ Menerangkan pengertian najis dengan betul<br>✓ Menjelaskan bahagian dan jenis najis serta contohnya dengan betul. |
| RUJUKAN        | Buku teks, tajuk "Mari Bersuci" muka surat 114 dan 115.                                                                             |



ARAHAN: BACA NOTA DI BAWAH BERULANG KALI DAN SALIN DALAM BUKU TULIS AG 2 (ULUM SYARIAH)

#### #PENGERTIAN NAJIS:

- ✓ Najis ialah semua benda kotor yang menghalang daripada sah solat, seperti darah dan tahi.

#### #NAJIS TERBAHAGI KEPADA 3 JENIS (MUKHOFFAFAH / MUGHOLLAZOH / MUTAWASSITOH)

##### 1. NAJIS MUKHOFFAFAH (RINGAN)

- ✓ Air kencing kanak-kanak lelaki yang berumur 2 tahun ke bawah, yang tidak makan dan minum, kecuali susu ibunya sahaja

##### 2. NAJIS MUGHOLLAZOH (BERAT)

- ✓ Anjing dan babi serta keturunannya. Segala perkara yang berkaitan dengan kedua-duanya seperti tahi, air kencing, air liur, kulit, lemak, daging, bulu, darah, tulang dan sebagainya.

##### 3. NAJIS MUTAWASSITOH (SEDERHANA ATAU PERTENGAHAN)

- ✓ Segala bentuk najis selain daripada najis Mukhoffafah dan Mughollazoh. Seperti air kencing, tahi, darah, muntah, arak, nanah dan bangkai.

#### LATIHAN A:

Baca dengan teliti dan fahami pernyataan tersebut. Tuliskan (pilih) 'BETUL' atau 'SALAH'

|                                                                                               |       |       |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-------|-------|
| 1. Najis adalah benda kotor yang membatalkan solat.                                           | BETUL | SALAH |
| 2. Solat Anas batal kerana bajunya basah terkena air hujan.                                   | BETUL | SALAH |
| 3. Anis meneruskan solatnya walaupun telekungnya terkena tahi cicak.                          | BETUL | SALAH |
| 4. Najis terbahagi kepada 3 jenis.                                                            | BETUL | SALAH |
| 5. Tahi hidung, tahi mata dan tahi telinga adalah benda kotor, tetapi TIDAK membatalkan solat | BETUL | SALAH |

#### Pentaksiran:

|    |  |
|----|--|
| TP |  |
|----|--|